

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1987/88

EUP 302 Psikologi Perindustrian

Tarikh: 28 Oktober 1987

Masa: 2.15 petang - 4.15 petang

(2 Jam)

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 3 muka surat dan 6 soalan bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) soalan.

Agihan markah bagi setiap soalan diberikan di sut sebelah kanan sebagai peratusan daripada markah keseluruhan yang diperuntukkan bagi soalan berkenaan.

Jawab kesemua soalan di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. Tulis satu essei sumbangan "Kajian Hawthornes" kepada organisasi kerja yang sebelum ini dikuasai oleh prinsip-prinsip yang dicadangkan oleh F.W. Taylor.

(100%)

2. SAMA ADA

Huraikan jenis-jenis motif yang terdapat pada seseorang individu di dalam industri. Jika seseorang itu tidak berjaya mencapai motifnya, ia akan merasa kecewa. Bagaimanakah seseorang itu bertindak terhadap kekecewaannya.

(100%)

ATAU

Teori faktor 2 Herzberg merupakan salah satu teori motivasi. Terangkan konsep teori ini dan bandingkan dengan pendekatan yang biasa di ambil oleh pihak pengurusan yang hanya bersandar kepada perhubungan tradisi manusia sahaja.

(100%)

3. Bincangkan pendekatan tradisional (Kejuruteraan) dan pendekatan kelakuan terhadap rekabentuk kerja.

(100%)

...3/-

4. SAMA ADA

Apakah perbezaan-perbezaan individu yang perlu dikenalpasti oleh pihak pengurusan sesebuah firma? Bagaimanakah pihak pengurusan dapat mempergunakan maklumat-maklumat tersebut untuk kepentingan seluruh organisasinya?

(100%)

ATAU

Apakah perlunya membina komunikasi berkesan di dalam sesebuah firma? Adakah pemilihan media yang sempurna sudah cukup untuk menghasilkan komunikasi yang berkesan? Huraikan.

(100%)

5. Struktur organisasi disusun sedemikian rupa bagi memperuntukkan perhubungan formal di antara pekerja dan pengurusan sama ada secara menegak atau mendatar. Namun begitu perhubungan yang wujud masih belum cukup untuk memenuhi kehendak dan kelancaran perjalanan organisasi. Huraikan kelemahan-kelemahan organisasi formal. Bagaimanakah kelemahan ini dapat dihindarkan melalui organisasi tak formal? (Jelaskan jawapan anda dengan menggunakan contoh organisasi tak formal secara khusus).

(100%)

6. Pada pendapat anda adakah penerapan konsep "Ergonomics" dalam perindustrian berjaya mempertingkatkan daya pengeluaran? Mengapa? Bagaimanakah aplikasi konsep ini dapat dipertingkatkan dalam konteks perindustrian di Malaysia?

(100%)